

# 25 pelajar UMS buat lawatan ke 'Bumi Kangaroo'

KOTA KINABALU: Seramai 25 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) daripada Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2014/2015 mengadakan lawatan ilmiah ke Monash University, Melbourne Australia baru-baru ini.

Menurut Ketua Bahagian Pembangunan Pelajar Jabatan Hal Ehwal pelajar (HEP), Kim Asbiyallah Shah

Akim, lawatan itu yang turut dikenali sebagai 'Kembara di Bumi Kangaroo' bertujuan memberi pendedahan kepada siswa-siswi mengenai budaya masyarakat di Australia terutama dalam aspek budaya kerja, pembangunan setempat selain pengalaman untuk menimba ilmu di luar negara.

"Pada lawatan itu, siswa-siswi

UMS sempat mengadakan sesi dialog bersama wakil pelajar Malaysia yang sedang menuntut Monash University bagi bertukar-tukar pandangan mengenai konteks pendidikan dan kepimpinan pelajar,"ujarnya ketika dihubungi media UMS.

Beliau menambah, segala input yang diterima melalui lawatan itu

dilihat mampu memberi impak besar dalam memantapkan pengurusan dan penganjuran sesuatu program mahasiswa UMS pada masa hadapan.

"Lawatan ini juga memberi peluang kepada kedua-dua pihak (UMS dan Monash University) dalam mendalami isu sistem pendidikan yang diaplikasi di Australia dan Malaysia

serta meninjau suasana pembelajaran kondusif dan sistematik di Monash University," ujar beliau.

'Kembara di Bumi Kangaroo' merupakan usaha Jabatan HEP UMS untuk mengantarabangsakan siswa-siswi ke peringkat global melalui perkongsian pandangan bersama universiti-universiti terkemuka Australia.



KENANGAN ... Rombongan pelajar UMS bergambar kenangan di bangunan Monash University, Melbourne.



KEMBARA ... 25 pelajar UMS melawat ke Monash Universiti, Melbourne Australia.